KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR

10 APRIL 2023 (ISNIN)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR
(KPDN)

10 APRIL 2023 (ISNIN)

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 1

Potong kuota diesel, harga ikan naik mendadak

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

KUALA SELANGOR: Harga ikan dan makanan laut lain dikhuatiri meningkat lebih tinggi ekoran keputusan kerajaan melaksanakan pemotongan diesel bersubsidi dari 90 juta liter kepada 70 juta liter pada setiap bulan sejak Januari lalu.

Malah di Selangor, harga sesetengah ikan naik mendadak melebihi 100 peratus pada tahun ini susulan pemotongan diesel itu yang bertujuan menyekat ketirisan bahan api itu.

Pemotongan diesel bersubsidi tersebut menjejaskan nelayan-nelayan bot laut dalam seperti kelas B dan C di seluruh negara sekali gus memberi tekanan kepada peniaga termasuk di jeti.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pengkalan Nelayan Sementa, Klang dan Pasar Nelayan Sungai Yu di sini mendapati harga ikan seperti kembong, pelaling, senangin dan sotong kecil kini dijual antara RM8 hingga RM35 setiap kilogram (kg).

Paling ketara harga ikan pelaling atau 'ikan rakyat' naik melebihi 100 peratus iaitu daripada RM5 sekilogram kepada RM19 sekilogram.

Bersambung di muka 3

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 3

Potong kuota diesel, harga ikan naik mendadak

Dari muka 1

Malah, dalam tinjauan tersebut dua pemilik gerai tidak lagi menjual ikan tersebut berikutan harganya terlalu mahal.

Seorang pemilik gerai di Pengkalan Nelayan Sementa, Amir Shah berkata, akhir-akhir ini margin keuntungannya semakin kecil selepas berdepan tekanan kenaikan harga daripada pembekal yang terdiri daripada nelayan kecil dan bot besar.

Menurutnya, dua jenis hasil laut seperti pelaling dan sotong tidak lagi dijual di gerainya sejak beberapa minggu lalu apabila harga makanan itu terlalu mahal.

Katanya, jika mahu jual juga perlu melebihi RM20 sekilogram bagi ikan pelaling dan sotong pula mencecah RM30 sekilogram.

"Secara umumnya ikan tidak berkurang, tetapi jualannya yang berkurang. Sebelum ini 50kg ikan dalam dua hingga tiga hari, sekarang dalam tempoh sama cuma dapat jual sekitar 30kg. Memang nampak kuasa beli pengguna berkurangan.

"Disebabkan itu juga saya tak boleh jual pada margin harga sebelum ini iaitu, mesti dikurangkan (menjadi RM2 hingga RM8), supaya pelanggan tak lari kerana Pengkalan Nelayan Sementa adalah tumpuan pelanggan dari Kuala Lumpur, Bangi, Shah Alam, Banting dan sekitar kawasan ini," katanya ketika ditemui.

Kata Amir, ikan bawal padi kini menjadi pengganti kepada pelaling kerana boleh dijual pada harga RM8 sekilogram, namun saiz dan kuantiti isinya lebih sedikit berbanding pelaling.

Pada 23 Disember lalu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melaksanakan Pelarasan Kuota Subsidi Diesel Kepada Vesel Nelayan yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan Bilangan 2 Tahun 2022.

Dalam mesyuarat itu, diputuskan kuota baharu diesel bagi bot-bot kategori B dan C dikurangkan kepada 12,000 dan 17,000 liter sebulan berbanding 16,000 dan 20,000 liter sebulan sebelum ini.

Kadar kuota asal subsidi diesel bagi bot pukat jerut Zon C dari 13,000 liter dikurangkan kepada 12,000 liter sebulan. Seterusnya, kuota asal pemberian subsidi diesel bagi bot pukat jerut Zon B dari 8,000 liter dikurangkan kepada 7,000 liter sebulan.

Sementara itu, Muhammad Hanafi Marzuki, 32, peniaga di Pasar Nelayan Sungai Yu berkata, jualan di gerainya naik sekurang-kurangnya 12 peratus sejak tahun ini terutama melibatkan ikan-ikan lazim dimakan seperti kembong, pelaling, bawal hitam dan bawal putih.

"Saya macam tak percaya, ikan pelaling paling laku di gerai saya memandangkan pasar ini pun terletak dalam kawasan kampung. Sejak tahun ini saya tidak lagi jual pelaling sebab tak munasabah.

"Daripada berhabis RM20 ke RM30 untuk ikan pelaling, lebih baik beli ikan cencaru yang harganya masih kekal RM12 sekilogram, kembong dan senangin yang isinya lebih banyak dan enak," jelasnya.

TINJAUAN HARGA IKAN
DI PANGKALAN NELAYAN SEMENTA DAN PASAR NELAYAN SUNGAI YU

Ikan	Harga dahulu	Harga semasa	Peratusan kenaikan
Kembong	RM16	RM24	50
Pelaling	RM5	RM19	280
Tuna	RM13	RM15	15.3
Senangin	RM25	RM28	12
Bawal emas	RM26	RM30	15.3
Bawal hitam	RM25	RM34	36
Bawal putih	RM34	RM43	29.4
Bawap padi	RM8	RM8	-
Cencaru	RM12	RM12	-
Merah	-	RM38 (Sementa)	-
	RM35	RM45 (Sungai Yu)	28.6
Jenahak	RM38	RM38	-
Sotong kecil	RM24	RM35	45.8

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 6

39,420 pemeriksaan perniagaan dilakukan KPDN

SHAH ALAM - Sebanyak 606 aduan diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sepanjang Ops Pantau yang dilaksanakan bermula 23 Mac sehingga 7 April.

Ketua Pengarah Penguat kuasa KPDN, Azman Adam berkata, aduan tersebut melibatkan perniagaan di pasar pagi, jualan murah, barang tiruan, pasar raya serta bazar raya.

Menurutnya, susulan aduan yang diterima, sebanyak 39,420 pemeriksaan perniagaan dibuat di seluruh negara.

"Sebanyak 257 tindakan kes dihasilkan daripada pemeriksaan tersebut dan paling banyak membabitkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011 serta Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Kita juga ada terima aduan yang mengatakan ada peniaga naikkan harga barangan yang dijual.

"Kita dapati kenaikan berlaku ke atas barangan makanan dan minuman," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Azman berkata, pihaknya tidak menolak peningkatan aduan diterima itu adalah disebabkan faktor-faktor tertentu termasuk peningkatan bahan mentah dan kadar sewa tapak perniagaan.



Seorang petugas KPDN melakukan pemeriksaan harga dan alat penimbang di sebuah pasar.



AZMAN

Beliau berkata, pihaknya juga melakukan siasatan terperinci ke atas harga tidak munasabah yang dikenakan oleh peniaga dengan meminta mereka mengemukakan kos harga ke atas barang perniagaan masing-masing.

Tegas beliau, KPDN sentiasa bertindak adil kepada semua pihak termasuk pengguna dan peniaga.

"Kita akan siasat dan minta mereka (peniaga) tunjukkan bukti kos harga. Jika kos yang diterima peniaga itu mahal, maka kita teruskan siasatan di pihak pembekal," ujarnya.

Ditanya mengenai aduan kesalahan sering dilakukan peniaga bazar Ramadan, Azman berkata, ia melibatkan tanda harga.

Jelasnya, menjadi kewajipan peniaga meletakkan tanda harga supaya pembeli tahu dan dapat membuat perbandingan harga sebelum memutuskan untuk membeli atau sebaliknya.

BH BeritaHarian

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 20

KPDN Perlis tumpas penyelewengan diesel



Farah Adlina melihat tangki yang menyimpan diesel di Kawasan Perindustrian Padang Besar. (Foto Aizat Sharif/BH)

Padang Besar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel tidak bersubsidi dengan rampasan 26,000 liter bahan api itu dianggarkan bernilai RM55,900, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasanya, Farah Adlina Ropaie, berkata rampasan itu dibuat menerusi Ops Tiris bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sebuah premis pemborong minyak diesel di sini, kira-kira jam 1 tengah hari.

"Ketika pemeriksaan dijalankan, pemilik premis berusia 40-an didapati gagal menyelenggara atau mengemas kini buku stok barang kawalan iaitu dalam hal ini adalah diesel.

"Malah, bekalan juga disyaki diperoleh daripada pembekal yang meragukan, berlainan daripada pembekal berdaftar untuk membekalkan diesel ke premis terbabit.

"Hasil semakan ke atas buku stok itu mendapati, bekalan diesel ini dijual secara tidak sah kepada kenderaan perseorangan berpendaftaran Thailand pada hal ia sepatutnya dijual kepada kenderaan industri," katanya kepada media di Kawasan Perindustrian Padang Besar, di sini, semalam.

Lapan tahun tak beroperasi

Beliau berkata, siasatan awal pihaknya mendapati pemilik premis itu sudah lapan tahun beroperasi di kawasan berkenaan.

"Namun, pemilik premis disyaki mula menjalankan kegiatan ini sejak setahun lalu dengan memperoleh bekalan diesel daripada pemborong di Bukit Kayu Hitam, Kedah.

"Susulan itu, sebanyak 26,000 liter minyak diesel dan dokumen berkaitan disita untuk siasatan lanjut," katanya.

Farah Adlina berkata, pemilik atau pemborong diesel dan petrol berlesen wajib menyelenggara atau mengemaskini urusan buku stok barang kawalan dan kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan 13 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Sementara itu, tujuh kes penyelewengan diesel dan petrol direkodkan sepanjang Ops Tiris sejak 1 Mac lalu.

"Daripada kes itu, tujuh suspek termasuk seorang warga Thailand ditahan membabitkan rampasan berjumlah RM166,602.

"Kita turut menjalankan 61 pemeriksaan menerusi Ops Tiris merangkumi stesen minyak, pemborong diesel, pemegang permit barang kawalan berjadual, pemegang permit khas, kuari dan persatuan nelayan kawasan," katanya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 16



FARAH ADLINA (kanan) memeriksa tangki diesel dalam Ops Tiris di Padang Besar kelmarin.

Jual diesel subsidi Malaysia ke Thailand

PADANG BESAR – Tembelang seorang lelaki yang menjual diesel kepada kenderaan Thailand sejak setahun lalu terbongkar apabila premisnya di kawasan perindustrian Padang Besar itu diserbu dan sebanyak 26,000 liter bahan bakar bernilai RM55,900 dirampas kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Perlis, Farah Adlina Ropaie berkata, Ops Tiris pada pukul 1 tengah hari itu dilakukan bersama polis.

Katanya, dakwaan bahawa lelaki itu gagal menyelenggara buku stok kawalan dan bekalan yang diperoleh amat meragukan.

"Semakan ke atas buku log mendapati pemborong berlesen itu disyaki menjual diesel untuk kegunaan industri dan kepada kenderaan bernombor pendaftaran Thailand.

"Kami turut merampas dokumen berkaitan," katanya.

Menurut Farah Adlina, premis itu telah beroperasi sejak lapan tahun lalu dan pihaknya telah mengambil keterangan pemiliknya yang berusia lingkungan 40-an bagi membantu siasatan.

Tambahnya, sejak Mac lalu, pihaknya telah mengambil tujuh tindakan ke atas enam warga tempatan dan seorang rakyat Thailand dengan keseluruhan rampasan berjumlah RM166,602

"KPDN negeri telah membuat 61 pemeriksaan merangkumi stesen minyak, pemborong diesel dan pemegang permit barang kawalan berjadual," jelasnya.

NEW STRAITS TIMES

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 8



Perlis Domestic Trade and Cost of Living Ministry chief enforcement officer Farah Adlina Ropaie (right) checking the diesel seized from a wholesaler in Padang Besar, Perlis, on Saturday. BERNAMA PIC

DUBIOUS SUPPLIES

26,000 litres of subsidised diesel seized at wholesaler's premises

PADANG BESAR: About 26,000 litres of subsidised diesel worth RM55,900 were seized at a wholesaler's premises here on Saturday.

State Domestic Trade and Cost of Living Ministry chief enforcement officer Farah Adlina Ropaie yesterday said the wholesaler was suspected of selling diesel to vehicles with Thai registration numbers.

"When we inspected the premises, we found that the wholesaler had failed to maintain the stock book of controlled goods (diesel) and the supply obtained was doubtful.

"We seized 26,000 litres of diesel and documents were seized."

Farah Adlina said licensed wholesalers dealing in controlled goods must maintain a stock book and failure to do so may subject them to action under Rule 13 of the Control of Supplies Regulations 1974 and Rule 11 for dubious supplies.

She said the wholesaler had not updated the stock book for about a month.

"We will take action if the book is not updated even for a day."

She said the wholesaler was suspected of being involved in the misappropriation of diesel for the last 12 months.

The oil supply was believed to have been obtained from a wholesaler in Bukit Kayu Hitam, Kedah, she added.

She said the ministry had recorded the statement of the premises owner, a man in his 40s, for action. **Bernama**

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 4

RM55,000 worth of subsidised diesel seized

PADANG BESAR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry seized 26,000 litres of subsidised diesel worth RM55,900 through an *Ops Tiris* raid it conducted on a wholesaler's premises at 1pm on Saturday.

Perlis chief enforcement officer Farah Adlina Ropaie said the wholesaler is suspected of selling subsidised diesel to Thai registered vehicles, based on a check of the stock book.

"When the inspection was carried out at the premises, it was found that the wholesaler failed to maintain the stock book of controlled goods (diesel) and the supply obtained was dubious.

"Following that, diesel and related documents were seized for further action and investigation," she said.

Farah Adlina added that licensed wholesalers must maintain a stock book and failure to do so may subject them to action under Rule 13 of the Control of Supplies Regulations 1974 and Rule 11 for dubious supplies.

She said the wholesaler had not updated the book for about a month, stressing that it must be updated every time diesel wholesalers receive their supplies.

"We will take action if the book is not updated even for a day," she added.

Farah Adlina said the wholesaler was suspected of being involved in the illegal activity for the last 12 months and investigations found that the diesel supply was obtained from a wholesaler at Bukit Kayu Hitam in Kedah.

She said the ministry has also recorded the statement of the premises owner, a man in his 40s, for further action. – Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR
(AGENSI KPDN)

10 APRIL 2023 (ISNIN)

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : ISNIN
TARIKH : 10/4/2023
M/SURAT : 10

KPDN nafi wujud 'kartel' simen

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan tiada pihak yang mengawal harga simen atau 'kartel' di dalam pasaran.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, KPDN melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah menjalankan pemantauan sejak awal tahun baru-baru ini bagi melihat sekiranya terdapat perlakuan menjurus kepada kartel.

Menurut beliau, pihak yang melontarkan dakwaan wujud kumpulan yang bersekongkol menjadi kartel dalam aktiviti penjualan simen untuk menaikkan harga bahan binaan tersebut perlu mengemukakan bukti.

"Pemantauan dibuat terutama selepas berlakunya penggabungan antara YTL Cement dan Lafarge. Kita juga sedia maklum, empat lagi syarikat pengeluar simen juga beroperasi di Semenanjung. Jadi tiada yang monopoli pasaran simen.

"MyCC juga sudah berjumpa dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti sama ada tuduhan kartel itu mempunyai asas atau tidak namun tiada bukti yang kukuh dikemukakan oleh pihak melemparkan tuduhan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, kerajaan perlu menyelesaikan isu monopoli simen didakwa dikawal syarikat gergasi yang berkuasa mengawal bekalan dan pasarannya ke seluruh negara.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Seri Mohamed Fadzill Hassan berkata, kewujudan syarikat yang melakukan kegiatan kartel memonopoli pasaran simen pernah didedahkan pihaknya pada 8 Disember tahun lalu, dengan harapan kerajaan bertindak membasminya.